

Nama / Tingkatan : \_\_\_\_\_ / \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

**TAJUK : PROSA TRADISIONAL ASAL PADI****Aktiviti 1: Lengkapkan sinopsis Prosa Tradisional Asal Padi yang berikut dengan jawapan yang betul.**

Prosa tradisional Asal Padi mengisahkan sepasang suami isteri yang banyak memiliki harta. Mereka telah meninggal dunia dan meninggalkan (1)\_\_\_\_\_ orang anak lelaki yang masih kecil. Anak sulung yang bernama (2)\_\_\_\_\_ sudah agak besar tetapi kakinya cacat.

Pada suatu hari, Si Bongsu ternampak (3)\_\_\_\_\_ orang puteri dari kayangan baru selesai mandi dan bersiap-siap ingin pulang. Si Bongsu mengikut mereka ke (4)\_\_\_\_\_ sebelum mereka tiba-tiba (5)\_\_\_\_\_ diri. Si Bongsu terlihat benda berwarna kuning sedang dijemur di sebuah dusun yang disangkanya (6)\_\_\_\_\_. Si Bongsu meminta sedikit padi untuk ditanam di bumi tetapi tidak diperkenankan.

Pada suatu hari, Si Bongsu telah mengambil (7)\_\_\_\_\_ padi lalu memasukkannya ke dalam mulut untuk dibawa pulang ke Bumi. Malangnya, empunya padi itu menyedari padinya telah dicuri. (8)\_\_\_\_\_ Si Bongsu luka kerana dikejar oleh empunya padi yang menuduhnya mencuri benih padi. Setelah beberapa lama, Si Bongsu mendapat akal untuk menyorokkan beberapa (9)\_\_\_\_\_ padi di tumitnya. Kemudian, Si Bongsu meminta izin untuk pulang ke bumi.

Si Bongsu tiba di bumi dengan selamat. Si Bongsu pun (10)\_\_\_\_\_ padi dan hasil yang diperoleh sangat memuaskan. Sebaliknya, padi di kayangan tiada (11)\_\_\_\_\_. Empunya padi menghantar burung pipit dan Si Tekuri untuk memeriksa keadaan di bumi. Akhirnya, burung pipit dibunuh oleh (12)\_\_\_\_\_ kerana berbohong kepada empunya padi.

#### 4.0 ASPEK BAHASA

S.P 4.1.1 Memahami dan mengapresiasi karya prosa dengan memberikan respon peribadi tentang **sinopsis, tema dan persoalan** dengan betul, rasional dan penuh penghayatan.

**Aktiviti 2 : Tentukan sama ada pernyataan-pernyataan berikut merupakan tema atau persoalan.**

Bil	Tema / Persoalan	Pernyataan
1		Persoalan tentang sikap tidak berputus asa dalam melakukan sesuatu.
2		Persoalan tentang kehidupan masyarakat yang hidup berlandaskan budi pekerti.
3		Persoalan tentang kekayaan di dunia tidak akan kekal dan tidak boleh dibawa mati.
4		Kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah.

**Aktiviti 3 : Padankan watak-watak yang berikut dengan perwatakannya yang sesuai.**

Bil	Perwatakan	Watak
1	Anak sulung daripada dua orang adik-beradik.	
2	Seekor burung yang membunuh burung pipit kerana menipu.	
3	Seorang yang teliti.	
4	Seorang yang bijak.	
5	Seorang petani di kayangan.	
6	Seorang yang tidak mudah berputus asa.	
7	Seekor burung yang tidak jujur.	
8	Golongan yang baik hati.	